



Bil : (63)KPF/A-01-01 Pt.8

Tarikh : 15 September 2014

Semua anggota yang dihargai,

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGUMUMAN:

ARAHAN PELAKSANAAN PENAMBAHAN MODAL SYER ANGGOTA MELALUI SISTEM GILIRAN "Q-SHARE"

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke 33 ("MAPT") pada 21 Jun 2014 telah mengambil keputusan supaya jumlah modal syer anggota ditetapkan tidak melebihi RM2.5 bilion dengan memastikan 80% pegangan modal syer dimiliki oleh Kumpulan Peneroka manakala 20% dimiliki oleh Kumpulan Kakitangan.

2. Penetapan jumlah modal syer anggota ini bertujuan supaya kadar bayaran dividen kepada anggota dapat dikekalkan secara konsisten antara 10%-15% yang berjumlah sebanyak RM375 juta.

3. Sehingga 31 Ogos 2014 jumlah modal syer anggota KPF telah mencecah sebanyak RM2.63 bilion manakala anggota KPF pula berjumlah 272,361 anggota. Jumlah modal syer tersebut telah melebihi sebanyak RM130 juta daripada jumlah yang dihadkan.

4. Untuk memastikan jumlah modal syer anggota tidak melebihi RM2.5 bilion seperti yang ditetapkan oleh MAPT, Mesyuarat Lembaga KPF Bil.05-2014/2015 (Khas) pada 13 September 2014 telah membuat keputusan supaya semua permohonan penambahan modal syer daripada anggota hendaklah melalui proses **Sistem Giliran "Q-Share"** ("Q-Share") yang sebelum ini dikuatkuasakan kepada Kumpulan Kakitangan sahaja.

5. *Q-Share* adalah proses dimana anggota yang ingin menambah langganan modal syer mereka perlu terlebih dahulu mengisi borang yang ditetapkan dan kelulusan akan diberikan mengikut giliran permohonan serta tertakluk kepada jumlah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Khas yang dibentuk.

6. Melalui sistem ini semua anggota akan melalui proses yang ditetapkan seperti berikut:

- (1) Mengemukakan permohonan dan jumlah modal syer yang hendak dilanggan menggunakan borang yang ditetapkan;
- (2) Permohonan mereka akan disenarai dalam sistem *Q-Share* jika layak;
- (3) Permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang diwujudkan dan keputusan mereka adalah muktamad;


- (4) Keputusan mengenai jumlah yang diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon;
- (5) Pemohon diberikan tempoh 90 hari untuk menjelaskan bayaran atau jika gagal kelulusan mereka akan dibatalkan dan perlu mengulangi proses (1);
- (6) Sebelum maklumat kelulusan diperolehi, pemohon adalah **dilarang**;
 - (a) Menyertakan bayaran atau
 - (b) Mengkreditkan bayaran ke akaun KPF atau
 - (c) Melaksanakan potongan gaji bulanan atau
 - (d) Melaksanakan langganan melalui pembiayaan bank.
- (7) Sekiranya perkara (6) berlaku, bayaran yang diterima tidak tertakluk kepada sebarang dividen/keuntungan daripada KPF.
- (8) Permohonan adalah tertakluk kepada undang-undang kecil dan aturan-aturan berkaitan yang dikuatkuasakan oleh KPF dan sebarang perubahannya dari semasa ke semasa.

7. Arahan Pelaksanaan Penambahan Modal Syer Anggota Melalui Sistem Giliran "Q-Share" ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2014**.

8. Kerjasama Tuan/Puan mematuhi arahan ini kami dahului dengan ucapan terima kasih dan sebarang kesulitan yang timbul amatlah dikesali.

Sekian.

Yang benar,
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD



(HANAPI SUHADA)

Setiausaha

s.k: Anggota Lembaga KPF
Pengarah Besar
Timbalan Pengarah Besar
Pengarah Jabatan
Pengurus Besar Wilayah
Pengurus Rancangan